



28 JUL, 2026

500 peserta dijangka meriahkan KanWork Fun Walk 2026

Sinar Harian, Malaysia



500 peserta dijangka meriahkan KanWork Fun Walk 2026

SHAH ALAM – Persatuan Kanser KanWork menyasarkan penyertaan sekurang-kurangnya 500 peserta dalam program KanWork Fun Walk 2026 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang pada 29 Ogos depan.

Pengarah program, Badrulhaisham Shamsuedin berkata, edisi keenam program berjalan kaki itu bukan sekadar menggalakkan amalan gaya hidup sihat, malah platform menghimpunkan masyarakat untuk bersama-sama menyokong pejuang kanser serta penjaga mereka.

"KanWork Fun Walk 2026 membawa mesej pencegahan, pengesanan awal dan sokongan komuniti memainkan peranan penting dalam mengurangkan beban penyakit kanser.

"Kami berharap lebih ramai masyarakat daripada pelbagai lapisan tampil menyertai program ini sebagai tanda solidariti kepada



Badrulhaisham (dua dari kiri) bersama Penasihat Bersama Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah (dua dari kanan) ketika hadir di Karangkraf, pada Isnin.

pejuang kanser, di samping membudayakan amalan hidup sihat melalui aktiviti berjalan kaki," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurut Badrulhaisham, pro-

gram yang bakal disempurnakan oleh Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin senlaku Penaung Diraja Persatuan Kanser KanWork akan bermula pada jam 7.30 pagi.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-22-8672 atau melayari laman sesawang Persatuan Kanser KanWork. Pendaftaran penyertaan ditutup pada 1 Ogos 2026.

Menurutnya, peserta boleh memilih laluan sejauh tiga kilometer atau lima kilometer mengikut kemampuan masing-masing, selain menyertai program itu secara individu atau berkumpulan.

"Yuran penyertaan ialah RM50 bagi ahli, RM55 bagi pelajar dan RM60 bagi peserta awam, manakala penyertaan berkumpulan membabitkan lima orang ditawarkan pada kadar RM240, RM265 dan RM290 mengikut kategori.

"Bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan, kami turut mengadakan pertandingan Pakaian Paling Kreatif Bertemakan

Merdeka dengan hadiah menarik menanti peserta yang menampilkan kreativiti terbaik," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan penganjuran KanWork Fun Walk 2026 mendapat kerjasama UPM, War on Cancer Malaysia, Pointray (Malaysia) Sdn Bhd dan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**.

Beliau turut mengalu-alukan penyertaan syarikat korporat, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai menerusi pakej penajaan disediakan bagi menjayakan program.

"Semua sumbangan kepada Persatuan Kanser KanWork layak mendapat pelepasan cukai.

"Kami juga mengalu-alukan individu yang ingin menyumbangkan kepakaran, pengalaman, masa dan tenaga sebagai sukarelawan bagi memperkukuh usaha persatuan membantu komuniti kanser," katanya.